Appala Tao a/l Simachamlam dan lain-lain lwn Pragasarow a/l Simachalam

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — GUAMAN SIVIL NO 22–19 TAHUN 2002
ABDUL HALIM AMAN H
31 MAY 2007

Acara Sivil — Pembatalan — Penyataan tuntutan — Ketidakpatuhan — Tidak memfailkan permohonan untuk membatalkan pernyataan tuntutan — Telah memfailkan memorandum kehadiran — Sama ada wajar atau munasabah bagi defendan membangkitkan isu teknikal pada peringkat kes sudah sampai di penghujungnya — Sama ada tindakan defendan memprejudiskan pihak plaintif — Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 72 k 2 & A 18 k 19

Keterangan — Saksi — Kegagalan memanggil saksi — Sama ada memprejudiskan kes defendan — Sama ada membolehkan mahkamah membuat andaian yang tidak berpihak kepada defendan atau 'adverse inference' — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Pewarisan — Wasiat — Pelaksanaan — Dalam Bahasa Inggeris — Dibuat semasa berada di hospital — Sama ada sah dari segi undang-undang — Sama ada dilaksanakan oleh si mati di dalam keadaan tenang — Sama ada si mati memahami Bahasa Inggeris atau pun Bahasa Malaysia — Sama ada berlaku penipuan dan penggunaan pengaruh yang tidak berpatutan (undue influence), dorongan dan/atau paksaan ke atas si mati

Defendan telah memperoleh geran probet dari Mahkamah Tinggi Temerloh bagi mentadbir harta pusaka si mati berdasarkan kepada wasiat si mati bertarikh 9 Mac 2001. Walau bagaimanapun, plaintif menegaskan bahawa wasiat tersebut adalah tidak sah dari segi undang-undang atas alasan, antara lain, ialah ianya dibuat di dalam bahasa yang sememangnya tidak difahami oleh si mati iaitu, tiada sebarang bukti dan pengesahan daripada pihak hospital bagi menunjukkan wasiat tersebut telah dilaksanakan oleh si mati di dalam keadaan yang tenang pada tarikh 9 Mac 2001 wasiat dibuat oleh si mati. Seterusnya, defendan dikatakan telah melakukan penipuan dan menggunakan pengaruh yang tidak berpatutan (undue influence), dorongan dan/atau paksaan ke atas si mati untuk mendapatkan wasiat terbabit. Ini merupakan tuntutan plaintif untuk satu perintah deklarasi bahawa wasiat si mati adalah tidak sah dari segi undang-undang dan tidak berkesan. Plaintif juga memohon bahawa geran probet yang diberikan kepada defendan dibatalkan.

Diputuskan, membenarkan permohonan-permohonan plaintif dengan kos:

(1) Pada tarikh wasiat tersebut dikatakan telah dilaksanakan atau dicap jari oleh

si mati, tiada sesiapa yang telah datang ke Hospital Bentong di tempat mana si mati berada pada hari terbabit bagi tujuan mendapatkan tandatangan atau cap jari si mati. Kemungkinan bahawa si mati tidak pernah menandatangani atau menurunkan cap jari beliau pada wasiat (lihat perenggan 15–16).

(2) Plaintif telah berjaya membuktikan yang si mati sememangnya tidak memahami Bahasa Inggeris mahupun Bahasa Malaysia. Adalah sesuatu yang mustahil bagi seorang peguam berbangsa Melayu dapat menerangkan kepada si mati yang tidak memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris akan isi kandungan wasiat yang dicatat di dalam Bahasa Inggeris tersebut kecualilah dapat dibuktikan bahawa peguam tersebut amat memahami dan boleh bertutur di dalam Bahasa Tamil atau Bahasa Telegu (lihat perenggan 17).

(3) Ini ditambah pula dengan faktor bahawa si mati pada ketika itu berada di dalam keadaan kesihatan yang teruk kerana menghidap penyakit kanser yang mana dengan sendirinya menunjukkan kepada mahkamah yang si mati sentiasa berada di bawah pengaruh ubat-ubatan. si mati juga telah meninggal dunia hanya selepas 14 hari dari tarikh wasiat itu dikatakan telah dilaksanakan iaitu pada tarikh 23 Mac 2001 (lihat perenggan 19).

(4) Keengganan atau kegagalan defendan mengemukakan saksi-saksi dari kalangan penyaksi-penyaksi yang mana keterangan mereka amatlah berguna bagi membantu mahkamah dalam menentukan sama ada wasiat si mati bertarikh 9 Mac 2001 adalah sah atau pun tidak dari segi undang-undang telah menimbulkan andaian bahawa keterangan-keterangan tersebut jika dikemukakan, pastinya tidak akan berpihak kepada pihak defendan (lihat perenggan 22).

[English summary

The defendant had obtained a grant of probate from the High Court of Temerloh to administer the estate of the deceased according to his will dated 9 March 2001. The plaintiffs however, insisted that the said will was not valid according to the law, for reasons, inter alia, that it was written in a language that was not understood by the deceased, there was no proof and verification from the hospital authorities to show that the will was written by the deceased when he was in a peaceful state, and if the will was even written by him on 9 March 2001. The defendant was said to have cheated and used undue influence, duress and/or coercion on the deceased to obtain the said will. This is the plaintiff's application for a declaration order that the deceased's will was not valid according to law and ineffective. Plaintiff also prayed that the grant of probate given to the defendant be struck out.

Held, allowing the plaintiff's applications with costs:

(1) On the date the will was executed or the day the deceased had placed his thumb print on the said will, no one had come to the Bentong Hospital, where the deceased was on the material day, with the intention of obtaining the

signature or thumb print of the deceased. There is a possibility that the deceased had not signed or put his thumb print on the said will (see paras 15–16).

(2) The plaintiff successfully proved that the deceased did not understand the English or Malay Language. It is almost impossible for a Malay lawyer to explain to a person who does not understand English or Malay, the content of a will that was written in English except if it could be proved that the said lawyer could understand and converse in Tamil or Telegu (see para 17).

(3) This was corroborated by the factor that the deceased's health had deteriorated enormously due to the cancer he was suffering from. This in itself was evident to the court that the deceased was, at all time, under the influence of drugs. Besides this, the deceased died only 14 days after the will was said to have been made, that was on 23 March 2001 (see para 19).

(4) The refusal or failure of the defendant in producing credible witnesses that could assist the court in determining the lawful validity of the will of the deceased dated 9 March 2001, had raised a presumption that the said evidence, if tendered, would definitely not be in favour of the defendant (see para 22).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan memanggil saksi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 2743–2750.

Untuk kes-kes mengenai pelaksanaan wasiat, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 2679–2686.

Untuk kes-kes mengenai pembatalan penyataan tututan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 6750-6786.

Kes-kes yang dirujuk

Alwee v Lai Kong Fook & Ors [1981] 2 MLJ 82 (dirujuk)

Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors [2005] 2 MLJ 1 (dirujuk)

Lai Yoke Ngan & Anor v Chin Teck Kwee & Anor [1997] 2 MLJ 565 (dirujuk)

Jaafar bin Shaari & Anor (suing as administrators of the estate of Shofiah bte Ahmad, deceased) v Tan Lip Eng & Anor [1997] 3 MLJ 693 (dirujuk)

Priyakumary Muthucumaru & Anor v Gunasingam Ramasingam (abankrupt) [2006] 6 MLJ 511 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Wasiat 1959
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19, A 72 kk 2(1), (2), 7
Kanun Tanah Negara s 418

P Selvaraj a/l SKP Palani (Raj & Co) bagi pihak plaintif.
Selva Balan Sinnan (Azman Joseph & Associates) bagi pihak defendan.

Abd Halim Aman H:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah merupakan tuntutan pihak plaintif-plaintif yang merupakan anak-anak dan waris kepada si mati, Subbama a/p Somalu melalui writ saman dan pernyataan tuntutan bertarikh 26 April 2002 terhadap defendan yang juga merupakan anak kepada si mati bagi mendapatkan perintah deklarasi bahawa wasiat si mati bertarikh 9 Mac 2001 adalah tidak sah dari segi undang-undang dan tidak berkesan. Selanjutnya, plaintif turut memohon deklarasi bahawa geran probet bertarikh 5 Julai 2001 yang diberikan kepada defendan adalah dibatalkan. Sehubungan dengan itu, plaintif-plaintif dibenarkan untuk meneruskan dengan perintah pembahagian yang telah dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah Jempol bertarikh 16 Ogos 2001 yang mana hartanah si mati akan diagihkan oleh Pentadbir Tanah Daerah Jempol sepertimana perintah tersebut.

LATAR BELAKANG KES

[2] Tuntutan ini dibuat oleh pihak plaintif-plaintif di atas alasan bahawa pada tarikh 5 Julai 2001, defendan telah memperolehi geran probet dari Mahkamah Tinggi Temerloh melalui Petisyen No 32–11–2001 bagi mentadbir harta pesaka tersebut berdasarkan kepada wasiat si mati bertarikh 9 Mac 2001. Walau bagaimanapun, plaintif-plaintif menegaskan bahawa wasiat tersebut adalah tidak sah dari segi undang-undang atas alasan, antara lainnya ialah ianya dibuat di dalam bahasa yang sememangnya tidak difahami oleh si mati iaitu Bahasa Inggeris, tiada sebarang bukti dan pengesahan daripada pihak hospital bagi menunjukkan wasiat tersebut telah dilaksanakan oleh si mati di dalam keadaan yang tenang pada tarikh 9 Mac 2001 wasiat dibuat oleh si mati semasa berada di hospital. Defendan dikatakan telah melakukan penipuan dan menggunakan pengaruh yang tidak berpatutan (undue influence), dorongan dan/atau paksaan ke atas si mati untuk mendapatkan wasiat terbabit.

[3] Di pihak defendan pula, defendan telah memfailkan pernyataan pembelaan seperti yang terkandung di KM (7) pada tarikh 30 Mei 2002. Defendan menyatakan bahawa perintah pembahagian oleh Pentadbir Tanah Daerah Jempol bertarikh 6 Disember 2001 adalah terbatal dengan sendirinya, apabila pengeluaran geran probet oleh Mahkamah Tinggi Temerloh diperolehi pada tarikh 5 Julai 2001. Seterusnya, defendan menyatakan bahawa wasiat bertarikh 9 Mac 2001 adalah sah dan berkesan di sisi undang-undang kerana si mati memahami akan Bahasa Inggeris iaitu bahasa yang digunakan di dalam wasiat yang mana dikata telah diterangkan dengan isi kandungan wasiat oleh peguam berkenaan dan ianya dilaksanakan di hadapan seorang lagi saksi semasa si mati di dalam keadaan tenang, sempurna akal dan waras fikiran serta sedar dan faham akan segala tindak-tanduknya. Defendan menafikan ada melakukan penipuan mahupun menggunakan pengaruh yang tidak berpatutan, dorongan dan/atau paksaan di dalam mendapatkan wasiat terbabit dan oleh yang demikian, kehendak-kehendak Akta Wasiat 1959 dikatakan oleh defendan telah dipatuhi sepenuhnya. Bagi menjawab kepada pembelaan

defendan, plaintif-plaintif telah memfailkan jawapan kepada pembelaan defendan seperti yang terkandung di KM (9) pada tarikh 19 Jun 2002. Plaintif-plaintif menafikan bahawa si mati memahami Bahasa Inggeris. Dikatakan yang defendan bukanlah seorang doktor perubatan untuk mengesahkan keadaan si mati semasa melaksanakan wasiat dan peguam berkenaan tidak pernah pergi ke hospital pada tarikh 9 Mac 2001 untuk menerangkan akan isi kandungan wasiat kepada si mati. Selanjutnya, plaintif-plaintif menegaskan bahawa si mati sememangnya berada di dalam keadaan yang tidak sedar dan kesihatan amat merosot pada 9 Mac 2001 memandangkan tidak lama selepas itu si mati telah meninggal dunia iaitu pada tarikh 23 Mac 2001.

PERBICARAAN KES

[4] Ikatan-ikatan yang telah difailkan oleh pihak-pihak pada tarikh 15 April 2005 iaitu terdiri daripada ikatan pliding ('IP') di KM (29), isu-isu yang akan diputuskan oleh mahkamah ('IADM') di KM (30) dan fakta-fakta kes yang dipersetujui ('FKYD') di KM (31) manakala ikatan dokumen ('ID') di KM (49) pula telah difailkan kemudiannya. Perbicaraan telah dimulakan 26 Jun 2006 dan berjaya dimuktamadkan pada tarikh 4 Januari 2007. Di pihak plaintif-plaintif, seramai empat orang saksi telah tampil memberikan keterangan manakala di pihak defendan pula tidak mengemukakan sebarang saksi dan memohon untuk 'submission of no case to answer'.

[5] Sebelum pergi lebih lanjut lagi, eloklah kiranya diteliti akan apakah keterangan yang telah diberikan oleh keempat-empat orang saksi plaintif tersebut. Pada masa yang sama, bagi kemudahan mahkamah dan pihak-pihak yang terlibat di dalam perbicaraan ini, peguamcara pihak plaintif-plaintif telah mengemukakan pernyataan saksi-saksi secara bertulis seperti yang terkandung di KM (55), KM (56), KM (57) dan KM (72). Walau bagaimanapun, hanya KM (55) yang mengandungai jawapan saksi. Manakala KM (56) KM (57) dan KM (72) hanya mengandungi soalan tanpa jawapan dari para saksi. SP1 yang merupakan plaintif pertama di dalam tindakan ini telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa ibu mereka iaitu si mati telah meninggal dunia pada tarikh 23 Mac 2001 akibat penyakit kanser. Melalui surat daripada Hospital Bentong bertarikh 12 November 2001, didapati bahawa si mati telah dimasukkan ke hospital pada tarikh-tarikh 25 November 2000 hingga 5 Disember 2000, 12 Februari 2001 hingga 10 Mac 2001 dan akhir sekali dari 15 Mac 2001 sehingga 20 Mac 2001. SP1 mengesahkan bahawa si mati tidak memahami Bahasa Malaysia mahupun Bahasa Inggeris dan hanya memahami Bahasa Tamil dan Bahasa Telegu sahaja. Permohonan telah dibuat oleh SP1 dan adik-beradik beliau yang lain kecuali defendan untuk mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir dari Pejabat Tanah Jempol ke atas harta pesaka si mati iaitu sebuah rumah di bawah pegangan PM 194 Lot 4518 Mukim Kuala Jempol yang mana pada setiap masa, geran asalnya adalah di dalam simpanan oleh defendan. Defendan pula telah menyewakan rumah tersebut kepada seorang yang bernama Narulmany Thevy pada kadar sewa RM160 sebulan tetapi cukai tanah tersebut dijelaskan oleh SP1. Pada semua masa yang material, SP1 menegaskan bahawa beliau tidak pernah dimaklumkan oleh defendan tentang kewujudan wasiat si mati yang dikatakan telah dilaksanakan pada tarikh 9 Mac 2001 iaitu semasa si mati sedang dirawat di hospital.

A **[6]** Menurut SP1 lagi, pada tarikh 9 Mac 2001 tersebut beliau ada menziarahi si mati di hospital pada waktu melawat dari jam 1 petang hingga 2.15 petang dan dari pukul 5 petang hingga 7 malam. SP1 sahkan bahawa selain daripada anak perempuan beliau, tiada pelawat lain yang datang menziarahi si mati pada tarikh tersebut. SP1 turut sahkan bahawa pada tarikh tersebut pegawai perubatan bertugas **B** adalah Dr. Radhiana bt Hassan manakala dua orang jururawat bertugas pula adalah Tengku Suriaty dan Puan Rokiah. Berkenaan rawatan yang diperolehi si mati dari HUKM, SP1 jelaskan bahawa beliau yang telah membawa dan membayar kos rawatan si mati di HUKM melalui majikan beliau.

C **[7]** Saksi SP2, Puan Rokiah bte Wahab pula adalah jururawat bertugas pada tarikh 9 Mac 2001 dari jam 7 pagi sehingga 2 petang. SP2 mengesahkan ada mengenali si mati yang menjalani rawatan bagi penyakit kanser di Hospital Bentong. SP2 mengesahkan bahawa si mati tidak dapat bertutur dalam Bahasa Malaysia dan hanya menggunakan bahasa isyarat untuk menyatakan sesuatu.

D

[8] SP2 menyatakan bahawa tiada terdapat sebarang pelawat yang meminta kebenaran beliau untuk melawat si mati pada tarikh dan waktu tersebut dan mengesahkan bahawa si mati berada di dalam keadaan sedar pada masa itu walaupun telah diberikan ubat pelali. Saksi SP3, Tengku Suriaty bte Tengku Ismail juga adalah **E** seorang jururawat yang bertugas pada tarikh tersebut dari jam 2 petang hingga 9 malam. SP3 mengesahkan bahawa beliau juga mengenali si mati dan beliau juga berkomunikasi dengan si mati secara 'isyarat' memandangkan si mati tidak memahami Bahasa Malaysia. SP3 juga mengesahkan bahawa setakat pengetahuan beliau, tiada sebarang pelawat datang melawat si mati pada tarikh tersebut. **F** Turut disahkan adalah keadaan si mati yang dikatakan di dalam keadaan sedar tetapi tidak pasti sama ada si mati telah disuntik morphine pada tarikh tersebut. Menurut SP3 lagi, kesan dari suntikan morphine adalah seseorang itu akan menjadi mengantuk, 'drowsy' dan biasanya tertidur. Saksi terakhir adalah pegawai perubatan yang bertugas iaitu Dr Radhiana bte Hassan (SP4). Menurut SP4, pada tarikh 9 Mac **G** 2001, beliau bertugas dari jam 8 pagi hingga 4.30 petang. SP4 dapat berkomunikasi dengan si mati melalui waris-warisnya yang datang menjaga si mati. Selanjutnya, SP4 menjelaskan bahawa tidak ada sesiapa yang datang berjumpa dengan si mati bagi tujuan menandatangani sebarang dokumen.

PENGHUJAHAN KES

H

[9] Setelah saksi-saksi plaintif selesai memberikan keterangan masing-masing, mahkamah telah menetapkan tarikh pemfailan penghujahan secara bertulis oleh peguamcara kedua-dua belah pihak. Peguamcara defendan telah memfailkan penghujahan bertulis pada tarikh 25 Januari 2007, iaitu KM (70) manakala hujahan **I** bertulis plaintif difailkan pada tarikh 13 Mac 2007 iaitu di KM (73). Hujahan balasan defendan telah difailkan pada tarikh 2 April 2007 sepertimana yang terkandung di KM (76). Kedua-dua belah pihak turut mengemukakan autoriti-autoriti kes bagi menyokong penghujahan masing-masing untuk pertimbangan Mahkamah.

[10] Peguamcara defendan di dalam penghujahan mereka telah membuat penekanan di atas prinsip undang-undang yang mana dikatakan, beban bukti adalah sentiasa terletak di atas bahu pihak plaintif untuk membuktikan bahawa wasiat bertarikh 9 Mac 2001 telah diperolehi oleh defendan secara frod, serta pengaruh tidak wajar atau penipuan seperti yang didakwa. Rujukan dibuat kepada satu keputusan kes Mahkamah Persekutuan iaitu kes *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 2 MLJ 1. Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang ada, defendan menghujahkan bahawa plaintif telah gagal membuktikan bahawa si mati telah membuat suatu 'insane decision' dengan menandatangani wasiat tersebut hanya kerana si mati menghidap penyakit kanser.

[11] Berkenaan dengan permohonan plaintif untuk meneruskan dengan perintah pembahagian oleh Pentadbir Tanah Daerah Jempol bertarikh 16 Ogos 2001, defendan menghujahkan bahawa permohonan tersebut secara tidak langsung mencabar perintah Pentadbir Tanah Daerah Jempol bertarikh 6 Disember 2001 yang telah membatalkan perintah bertarikh 16 Ogos 2001 itu. Selanjutnya dihujahkan, jika plaintif-plaintif tidak berpuashati dengan perintah tersebut, apa yang harus dilakukan oleh mereka adalah dengan memfailkan rayuan di bawah s 418 Kanun Tanah Negara. Oleh itu, defendan menghujahkan bahawa plaintif telah gagal membuktikan apa-apa kausa tindakan terhadap defendan di dalam kes ini.

[12] Bagi menjawab kepada penghujahan pihak defendan, plaintif menegaskan bahawa melalui keterangan saksi-saksi plaintif yang langsung telah tidak dicabar oleh pihak defendan semasa pemeriksaan balas, plaintif dihujahkan telah berjaya membuktikan kepada mahkamah bahawa si mati sememangnya tidak memahami Bahasa Malaysia kerana segala berkomunikasi dengan pihak hospital dilakukan secara berbahasa isyarat dan tidak ada sesiapa pun yang datang berjumpa dengan pihak doktor mahupun jururawat untuk mendapatkan kebenaran bagi menghampiri si mati dan mendapatkan tandatangan atau cap jari beliau.

[13] Plaintif menghujahkan bahawa penyaksi-penyaksi kepada wasiat tersebut iaitu 'Anilawati bte Md Alwi' dan 'An Swee Sing' tersebut sememangnya tidak hadir ke hospital menemui si mati pada tarikh 9 Mac 2001 tersebut. Di dalam keadaan ini, rujukan telah dibuat kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes yang telah turut dirujuk oleh peguamcara defendan iaitu *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 2 MLJ 1 di atas isu 'propounder of the will'. Di dalam penghujahan balas mereka pula, defendan menegaskan bahawa isu 'propounder of the will' tidak terpakai di dalam kes ini kerana geran probet telah diperolehi oleh defendan dari Mahkamah Tinggi Temerloh pada tarikh 5 Julai 2001. Selanjutnya, defendan pada peringkat ini telah menghujahkan bahawa prosedur yang digunapakai oleh plaintif-plaintif adalah tidak mematuhi peruntukan A 72 k 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bahawa tiada writ boleh dikeluarkan kecuali terdapat satu 'citation' seperti di bawah A 72 k 7 dikeluarkan oleh mahkamah. Perkataan 'shall not be issued' seperti yang terdapat di bawah A 72 k 2 tersebut dikatakan sebagai satu syarat mandatori dan di atas kegagalan pihak Plaintif berbuat demikian, keseluruhan prosiding di sini adalah dihujahkan sebagai tidak sah. Di atas isu ini, rujukan telah dibuat kepada keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Priyakumary Muthucumaru & Anor v Gunasingam Ramasingam (a bankrupt)* [2006]

6 MLJ 511458 dan peguamcara defendan menghujahkan bahawa atas alasan ketidakpatuhan kepada kaedah mahkamah tersebut sahaja, tuntutan pihak plaintif-plaintif ini wajar ditolak dengan kos.

PENEMUAN MAHKAMAH

[14] Kes ini diteliti secara keseluruhannya dari pelbagai perspektif.

[15] Setelah meneliti dan menimbang akan keterangan saksi-saksi plaintif serta meneliti 'demeanour' mereka, dan mengambilkira akan penghujahan Peguamcara kedua-dua belah pihak, meneliti akan keterangan dokumentari serta ekshibit-ekshibit, mahkamah memutuskan bahawa pihak plaintif telah berjaya membuktikan kepada mahkamah yang wasiat bertarikh 9 Mac 2001 (eksh P2) di ms (84) ikatan dokumen di KM (49) adalah sesuatu yang tidak sah di sisi undang-undang. Meneliti kepada keterangan keempat-empat orang saksi plaintif yang telah dikemukakan, adalah jelas bahawa pada tarikh wasiat tersebut dikatakan telah dilaksanakan atau dicap jari oleh si mati, tiada sesiapa yang telah datang ke Hospital Bentong di tempat mana si mati berada pada hari terbabit bagi tujuan mendapatkan tandatangan atau cap jari si mati. Fakta ini telah disahkan melalui keterangan oleh SP1 yang berada di hospital sepanjang masa waktu melawat' yang turut sama disokong oleh keterangan dari pegawai perubatan (SP4) dan jururawat-jururawat bertugas iaitu SP2 dan SP3. Mahkamah juga mengambilkira akan faktor bahawa keterangan-keterangan oleh saksi-saksi tersebut adalah langsung tidak dicabar oleh peguamcara defendan mahupun melalui pengemukaan keterangan oleh saksi-saksi dari pihak sendiri terutamanya defendan dan dua orang penyaksi yang dinamakan iaitu Anilawati bte Md Alwi dan An Swee Sing. Di dalam hakikat ini, 'demeanour' saksi memainkan peranan penting.

[16] Oleh itu, kemungkinan bahawa si mati tidak pernah menandatangani atau menurunkan cap jari beliau pada wasiat bertarikh 9 Mac 2001 (P2) adalah amat tinggi dan mahkamah berpendapat di dalam keadaan ini pihak plaintif telah berjaya membuktikan akan pernyataannya melalui keterangan saksi-saksi yang dikemukakan yang mana ianya langsung tidak dicabar. Beban pembuktian untuk membuktikan sebaliknya adalah berpindah ke bahu pihak defendan. Akan tetapi di pihak defendan pula, tiada terdapat sebarang keterangan dikemukakan untuk menyanggah akan keterangan seperti ini.

[17] Mahkamah, melalui keterangan saksi-saksi plaintif tersebut juga turut berpuashati bahawa pihak plaintif telah berjaya membuktikan yang si mati sememangnya tidak memahami Bahasa Inggeris mahupun Bahasa Malaysia. Ini kerana, menurut SP1 iaitu anak si mati sendiri, si mati hanya dapat memahami Bahasa Tamil dan Bahasa Telegu. Fakta ini turut disokong oleh keterangan saksi-saksi SP2, SP3 dan SP4 yang mana mengesahkan bahawa si mati berkomunikasi dengan para pegawai dan kakitangan hospital hanya dengan menggunakan bahasa isyarat.

[18] Oleh yang demikian, adalah sesuatu yang mustahil bagi seorang peguam berbangsa Melayu seperti Anilawati bte Md Alwi dapat menerangkan kepada si mati yang tidak memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris akan isi kandungan

wasiat yang dicatit di dalam Bahasa Inggeris tersebut kecualilah dapat dibuktikan bahawa Anilawati tersebut amat memahami dan boleh bertutur di dalam Bahasa Tamil atau Bahasa Telegu. Justeru itu, pernyataan peguam terbabit di dalam afidavit saksi kepada wasiat bertarikh 23 April 2001 di para 4 (ms (89) ikatan dokumen) bahawa, 'Ketika membuat wasiat ini, Subbama a/p Somalu, si mati tersebut dalam keadaan waras dan bahawa beliau faham akan segala isi kandungan tersebut' adalah amat meragukan. Tambahan pula, seorang lagi penyaksi pula iaitu An Swee Sing adalah seorang yang berbangsa Cina, berdasarkan kepada nama beliau.

[19] Berdasarkan kepada alasan-alasan tersebut, mahkamah memutuskan bahawa jika benar si mati tersebut telah menurunkan cap jari beliau pada wasiat tersebut sekalipun, ianya dilakukan di dalam keadaan si mati tidak memahami akan isi kandungan wasiat tersebut kerana beliau sememangnya tidak memahami Bahasa Inggeris. Ini ditambah pula dengan faktor bahawa si mati pada ketika itu berada di dalam keadaan kesihatan yang teruk kerana menghidap penyakit kanser yang mana dengan sendirinya menunjukkan kepada mahkamah yang si mati senantiasa berada di bawah pengaruh ubat-ubatan. si mati juga telah meninggal dunia hanya selepas 14 hari dari tarikh wasiat itu dikatakan telah dilaksanakan iaitu pada tarikh 23 Mac 2001.

[20] Kegagalan pihak defendan mengemukakan penyaksi-penyaksi sebagai saksi bagi pihak: mereka telah turut memprejudiskan kes mereka lantas membolehkan mahkamah ini menggunapakai peruntukan s 114(g) Akta Keterangan 1950.

[21] Seksyen 114(g) memperuntukkan bahawa:

> The court may presume that evidence which could be and is not produced would if produced be unfavourable to the person who withholds its.

[22] Oleh itu, berdasarkan kepada peruntukan tersebut, mahkamah boleh membuat andaian yang tidak berpihak kepada defendan atau 'adverse inference' di atas kegagalan pihaknya mengemukakan saksi-saksi dari kalangan penyaksi-penyaksi tersebut yang mana keterangan mereka amatlah berguna bagi membantu mahkamah dalam menentukan sama ada wasiat si mati bertarikh 9 Mac 2001 adalah sah atau pun tidak dari segi undang-undang. Keengganan atau kegagalan defendan berbuat demikian menimbulkan andaian bahawa keterangan-keterangan tersebut jika dikemukakan, pastinya tidak akan berpihak kepada pihak defendan. Rujukan telah dibuat oleh mahkamah kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di atas isu 'adverse inference' ini di dalam kes *Alwee v Lai Kong Fook & Ors* [1981] 2 MLJ 82 iaitu (di ms 83):

> ... The trial judge thought, in our view, entirely correctly, that the onus of establishing the part played by Ah Pin which the appellant relied on in proof of the oral agreement of sale was on the appellant and his failure to call Ah Pin raised an adverse inference against him, under the provisions of s 114(g) Evidence Act 1950.

[23] Begitu juga dengan kes pihak defendan di hadapan mahkamah ini yang sememangnya amat bergantung kepada keterangan dan pengesahan daripada para

penyaksi-penyaksi kepada wasiat tersebut bagi membuktikan kepada mahkamah yang wasiat bertarikh 9 Mac 2001 itu sememangnya sah dari segi undang-undang.

[24] Berkenaan isu ketidakpatuhan pihak plaintif-plaintif kepada peruntukan A 72 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 semasa pemfailan writ saman dan pernyataan tuntutan di dalam tindakan ini pula, Mahkamah berpendapat adalah tidak wajar atau munasabah bagi pihak defendan membangkitkan isu teknikal pada peringkat ini iaitu semasa kes sudah sampai di penghujungnya. Tindakan defendan adalah jelas memprejudiskan pihak plaintif sedangkan apa yang seharusnya dilakukan oleh pihak defendan sejak dari mula lagi sekiranya ingin menggunakan isu ini adalah dengan memfailkan permohonan di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk membatalkan pernyataan tuntutan pihak plaintif. Malangnya, pihak defendan telah tidak berbuat demikian dan telah pun memfailkan memorandum kehadiran di KM (5) yang tidak bersyarat pada tarikh 21 Mei 2002 yang langsung tidak menggambarkan hasrat pihak defendan untuk membangkitkan isu teknikal berkenaan ketidakpatuhan kepada mana-mana peruntukan undang-undang. Tindak-tanduk defendan ini turut menyebabkan Plaintif tidak mempunyai peluang untuk menjawab penghujahan tersebut yang sememangnya amat memprejudiskan kes pihak plaintif.

[25] Di atas alasan tersebut, mahkamah memutuskan untuk tidak membatalkan tuntutan pihak plaintif ini hanya di atas alasan ketidakpatuhan kepada A 72 k (2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tersebut. Telahan itu jelas tak bermerit. Tambahan pula, dengan merujuk kepada keputusan satu kes Mahkamah Persekutuan di dalam kes yang dirujuk oleh peguamcara defendan iaitu *Lai Yoke Ngan & Anor v Chin Teck Kwee & Anor* [1997] 2 MLJ 565, mahkamah berpuashati bahawa ketidakpatuhan berkenaan 'citation' yang perlu dikeluarkan oleh mahkamah seperti yang dihujahkan oleh defendan di dalam tindakan ini adalah boleh diperbetulkan dengan menggunakan budibicara mahkamah memandangkan ianya tidak menjejaskan merit atau bidang kuasa mahkamah ini dan sememangnya tidak memprejudiskan pihak defendan. Di dalam kes tersebut telah diputuskan, bahawa:

> Budi bicara yang boleh digunakan oleh mahkamah bagi memperbetulkan luar Aturan di bawah A 2 k 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dibaca bersama dengan ss 69(4) dan 101 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 hanya patut dijalankan dalam ketiadaan prasangka.Justeru itu kecacatan yang menjejaskan merit atau bidang kuasa mahkamah, tidak patut diperbetulkan dalam perlaksanaan kuasa budi bicara.

[26] Seperkara lagi, mahkamah juga berpendapat bahawa fakta di dalam kes *Priyakumary Muthucumaru & Anor v Gunasingam Ramasingam (a bankrupt)* [2006] 6 MLJ 511458 adalah berlainan sama sekali dengan kes di hadapan mahkamah ini. Di dalam kes tersebut, permohonan pihak responden untuk membatalkan geran suratkuasa mentadbir pesaka si mati yang diberikan perayu pada 1 Ogos 2003, telah dibuat secara memasukkan kaveat di Mahkamah Tinggi pada 7 Oktober 2003, iaitu lama selepas perayu mendapat suratkuasa mentadbir pesaka si mati dan Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa prosedur yang digunapakai oleh responden untuk mencabar pemberian suratkuasa mentadbir tersebut adalah salah di sisi undang-undang. Fakta ini sememangnya berbeza dengan fakta kes ini memandangkan tiada sebarang kaveat difailkan oleh plaintif-plaintif yang telah pun

memfailkan permohonan melalui writ saman dan pernyataan tuntutan selaras dengan peruntukan A 72 k 2(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[27] Mahkamah turut menggunapakai keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Gan Yook Chin (P) & Anor v Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors* [2005] 2 MLJ 1 yang telah dikemukakan oleh peguamcara kedua-dua belah pihak yang mana telah diputuskan bahawa (di ms 12):

> The Court of Appeal quite rightly state the settled law ie, that where the validity of a will was challenged, the burden of proving testamentary capacity and due execution lay on the propounder of the well as dispelling any suspicious circumstances surrounding the making of the will; that the onus establishing any extraneous vitiating element such as undue influence, fraud or forgery lay with those who challenged the will.

[28] Di dalam kes ini, mahkamah berpuashati bahawa pihak plaintif telah, melalui keterangan saksi-saksinya menunjukkan kepada mahkamah akan kewujudan unsur tipu daya oleh pihak defendan berkenaan wasiat bertarikh 9 Mac 2001 tersebut telah berjaya membuktikan yang si mati tidak memahami Bahasa Malaysia dan tiada wujud sebarang keterangan yang menunjukkan ada sesiapa hadir ke hospital pada tarikh tersebut untuk mendapatkan cap jari si mati. Oleh itu, sebagai 'propounded kepada wasiat tersebut beban pembuktian untuk menunjukkan kepada mahkamah akan keupayaan si mati semasa melaksanakan wasiat dan tiada terdapat sebarang unsur meragukan menyelubungi perlaksanaan wasiat tersebut adalah terletak di atas bahu pihak defendan berdasarkan kepada keputusan Mahkamah Rayuan yang dinyatakan di awal tadi.

[29] Mahkamah turut mengambilkira akan jawapan 'no case to answer' oleh pihak defendan di akhir kes defendan. Gopal Sri Ram HMR di dalam kes Mahkamah Agung *Jaafar bin Shaari & Anor (suing as administrators of the estate of Shofiah bte Ahmad, deceased) v Tan Lip Eng & Anor* [1997] 3 MLJ 693 telah memutuskan di atas isu ini bahawa:

> Ianya terletak kepada hakim mahkamah sesyen untuk mengenakan pilihan pada peguam bagi pihak responden, iaitu bahawa jika beliau tidak memanggil keterangan, beliau akan kekal berpendirian atau jatuh berdasarkan keterangan beliau. Kaedah prosedur ini merupakan satu keadilan yang penting dan bukannya hanya satu 'formality'. Sebalik sahaja defendan dalam prosiding sivil memilih untuk tidak memanggil keterangan, maka kesemua keterangan yang dikemukakan oleh plaintif mestilah dianggap benar.

[30] Selanjutnya, Peh Swee Chin HMP di dalam kes yang sama telah memutuskan bahawa:

> ... Responden-responden namun begitu telah memilih untuk menutup kes mereka di penghujung kes perayu-perayu, dan mereka berhak untuk melakukan sedemikian walaupun mereka akan berada dalam bahaya berhubung dengan tidak mempunyai keterangan saksi mereka yang paling penting dan berhubung dengan mempunyai inferens yang bertentangan disediakan terhadap mereka kerana gagal memanggil keterangan yang sedemikian sekiranya keadaan memerlukan inferens bertentangan yang sedemikian digunakan terhadap mereka.

[31] Di dalam kes di hadapan mahkamah ini, mahkamah mendapati bahawa pihak defendan dengan sukarela telah meletakkan diri dalam bahaya apabila memilih untuk menjawab 'no case to answer' dan tidak mengemukakan sebarang saksi sehingga menyebabkan 'adverse inference' digunapakai terhadap pihaknya di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950.

KESIMPULAN

[32] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah di awal tadi, mahkamah memutuskan di atas imbangan kebarangkalian bahawa permohonan plaintif untuk suatu perintah deklarasi bahawa wasiat si mati bertarikh 9 Mac 2001 iaitu eksh 'P2' adalah tidak sah di sisi undang-undang dan tidak berkesan dan perintah-perintah lain yang bersangkutan dengannya sepertimana pernyataan tuntutan plaintif adalah dengan ini dibenarkan dengan kos.

Permohonan-permohonan plaintif dibenarkan dengan kos.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed